

24/12/1997

Omar dilantik Ketua Pengarah Penjara

KAJANG, Selasa - Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Omar Mohamed Dan dilantik menjadi Ketua Pengarah Penjara berkuatkuasa 1 Januari, menggantikan Datuk Mohd Zaman Khan yang akan bersara esok.

Dengan pelantikan itu, jawatan berkenaan kembali disandang oleh pegawai daripada jabatan itu sendiri setelah hampir lapan tahun diketuai seorang pegawai kanan polis.

Pelantikan Omar, 54, diumumkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting selepas melancarkan motto dan etika Jabatan Penjara di Maktab Penjara di sini hari ini. Pengarah Bahagian Keselamatan Jabatan Penjara, Mustafa Osman pula diumumkan sebagai Timbalan Ketua Pengarah, berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

Pada 1 Mac 1990, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri, melantik Datuk Yassin Jaafar dari Polis Diraja Malaysia sebagai Ketua Pengarah Penjara ekoran beberapa isu seperti kejadian banduan lari, dakwaan dadah di kalangan pegawai penjara dan kes banduan diberi layanan istimewa.

Ketika itu, Yassin mengambil alih daripada Datuk Ibrahim Mohamad. Yassin pula diganti oleh Mohd Zaman, juga daripada PDRM pada 9 Februari 1994. (see CORRECTION above)

Ong dalam ucapannya menghargai kerjasama PDRM kerana sudi membantu Jabatan Penjara dengan meminjamkan dua pegawai kanannya untuk membantu pengurusan dan operasi Jabatan Penjara.

"Kerjasama polis menjadikan institusi penjara lebih sempurna terutama berhubung aspek keselamatan penjara. Saya anggap ini satu kejayaan dan sudah tiba masanya jawatan Ketua Pengarah diserahkan kembali kepada kakitangan Jabatan Penjara yang berkebolehan.

"Jabatan Penjara kini sudah mempunyai pegawai yang berkelayakan untuk menangani segala masalah manakala polis bersedia membantu jika diperlukan," katanya.

Ong turut mengumumkan Pengarah Bahagian Keselamatan Penjara, Mustafa Osman, 43, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah bagi menggantikan Omar, berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

Pelantikan Mustafa yang menyertai jabatan itu sejak 1980, dipersetujui Lembaga Kenaikan Pangkat Jabatan Perkhidmatan Awam selepas menerima cadangan Kementerian Dalam Negeri.

"Kini sampai masanya jawatan Ketua Pengarah diserahkan kepada kakitangan Penjara kerana hari ini jabatan itu sudah ada pegawai yang berkebolehan. Bagaimanapun, polis akan terus membantu jabatan itu dalam apa juga aspek," katanya.

Ong turut mengucapkan terima kasih kepada polis kerana meminjam dua pegawai kanannya untuk menerajui Jabatan Penjara sejak 1990, berikutan beberapa masalah dalam jabatan berkenaan seperti banduan melarikan diri dari penjara.

Menurutnya, Jabatan Penjara memperolehi banyak faedah daripada pelantikan itu kerana dua pegawai polis terbabit berpengalaman dan mencurahkan kepada pegawai penjara, termasuk aspek keselamatan.

"Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, boleh dikatakan gabungan pengalaman polis dan pegawai penjara menjadikan institusi penjara lebih sempurna dan berjaya menangani masalah. Saya anggap ini adalah satu kejayaan," katanya.

Omar menyertai Jabatan Penjara pada 1970 sebagai Pegawai Besar II dan

ditempatkan di Sekolah Latihan Pegawai Penjara Taiping sebelum ditukarkan ke Penjara Pulau Jerejak setahun kemudian.

Pada Disember 1974, beliau dinaikkan pangkat ke Penolong Penguasa Penjara sebelum dilantik sebagai Timbalan Penguasa Penjara pada Disember 1979.

Beliau juga pernah mengikuti kursus di Jepun dan London. Pada September 1990, Omar dinaikkan pangkat ke jawatan Penguasa Penjara Tingkatan Tertinggi `G' dan Penguasa Penjara KX2 pada 1993 dan ditempatkan di Penjara Kuala Lumpur.

Pada November 1995, beliau dinaikkan pangkat ke Penguasa Penjara Gred KX1 dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Penjara hingga 31 Disember ini.

(END)